

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
**YBHG. PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

---

**MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN KUNCI BAGI PROJEK BANGUNAN FAKULTI  
TEKNOLOGI KEJURUTERAAN, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)**

7 Jun 2023 (Rabu), 2.00 petang  
Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


**SALUTASI**

-Seperti di lampiran

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya juga, dapat kita bersama-sama hadir bagi memeriahkan Majlis Simbolik Penyerahan Kunci Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
2. Sekalung tahniah diucapkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di atas kejayaan menyempurnakan projek ini dengan jayanya yang pastinya akan memberi impak positif kepada semua pengguna kemudahan ini khususnya para pelajar UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,**

- 
3. Seperti yang kita sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa peka dan memberikan sepenuh sokongan serta kerjasama kepada semua Universiti Awam bagi menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang menekankan kepada peningkatan akses pendidikan tinggi di negara kita dengan menyediakan kemudahan-kemudahan fizikal yang terbaik kepada semua pemegang taruh.
  4. Pelaksanaan projek bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan ini merupakan salah satu contoh penyediaan kemudahan terbaik dalam menyokong pelan tersebut, dan lebih membanggakan lagi projek ini dapat disiapkan dengan jayanya walaupun menghadapi beberapa

kemelut besar seperti kegawatan ekonomi global dan pandemic COVID-19.

5. Tidak dinafikan, menguruskan projek pembangunan serta mentadbir kontrak pembinaan lebih-lebih lagi melibatkan skop projek menyiapkan bangunan bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai cabaran dan konflik perlu dihadapi serta masalah teknikal perlu diselesaikan dengan cekap. Tahniah saya ucapan kepada pasukan projek Jabatan Kerja Raya. Sebagai pelaksana projek, pihak JKR telah menunjukkan komitmen dan mengekalkan prestasi yang baik dalam pengurusan projek-projek Kerajaan.
6. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada kontraktor utama, Pembinaan Pulau Sebang Sdn. Bhd. dan semua

perunding yang telah berganding bahu dalam menyiapkan projek ini dalam tempoh kontrak yang telah ditetapkan dengan jayanya. Saya pasti pencapaian dalam projek ini merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan dan menjadi testimonial berguna kepada pihak syarikat.

7. Dengan penyerahan ini, besar harapan Universiti agar kemudahan seperti ini dan lain-lain kemudahan yang disediakan ditadbir dan dimanfaatkan secara optimum oleh pengurusan UTeM dalam melahirkan graduan yang holistik dan seimbang, iaitu graduan yang berilmu dan berakhhlak, serta mempunyai keupayaan untuk menyumbang kepada negara dan dunia

**Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,**

8. Terkini, pihak Kementerian amat menitikberatkan budaya menyeleggara dan lebih fokus untuk memberikan nafas baharu kepada pelbagai bangunan, makmal dan kemudahan pembelajaran dan pengajaran kita yang semakin usang.
9. Selaras dengan itu, pada 12 Mei 2023, bagi pihak Universiti, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana telah bersetuju untuk meluluskan tujuh (7) projek dengan kos berjumlah RM10.57juta kepada UTeM di bawah Pelaksanaan Projek Penyelenggaraan Fasiliti Universiti Awam Rolling Plan Ketiga Tahun 2023. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa Universiti berjaya melaksanakan projek pengiklanan bagi kesemua tujuh projek selaras

dengan hasrat Kementerian untuk memastikan Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan selewat-lewatnya pada Julai 2023.

10. Ini menunjukkan Universiti komited untuk memastikan sebarang dasar Kementerian dapat dilaksanakan seterusnya memenuhi keperluan semasa pihak Kementerian.
11. Akhir kata, saya mengharapkan bahawa segala fasiliti dan kemudahan yang telah dibangunkan diguna dengan sebaik-baiknya dalam memastikan kemajuan bersama warga Universiti.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatu